

APRIL
2023

Aspirasi
Keagamaan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

MENTERI BESAR MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT AHLI PERBADANAN DAN MENGHADIRI MAJLIS BERBUKA PUASA PKNP



Mesyuarat diadakan di BCIC Lodge, Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan

Kuantan, 11 April - YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail mempengerusikan Mesyuarat Ahli Perbadanan PKNP Bil.1 /2023 yang dihadiri oleh ahli - ahli perbadanan PKNP termasuk Ketua Pegawai Eksekutif PKNP.

Mesyuarat antara lainnya membincangkan tentang laporan prestasi kewangan PKNP untuk suku pertama tahun 2023, juga cadangan penyerahan satu unit hartanah PKNP (Villa 10) kepada Wakaf Pahang.

YAB. Dato' Sri Wan Rosdy yang juga merangkap sebagai Pengerusi PKNP kemudiannya meluangkan masa berbuka puasa dan menunaikan solat maghrib bersama hampir 260 orang Warga Kerja Kumpulan PKNP.

Beliau turut memberikan sumbangan kepada 18 orang anak - anak yatim dari Pusat Rumah Anak Yatim Permata Al - Insyirah.

Turut hadir pada majlis ini adalah mantan Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak, Ahli - Ahli Perbadanan PKNP, Pengurusan PKNP, Pegawai Kanan Anak Syarikat dan Warga Kerja Kumpulan PKNP.

PERJUMPAAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI PAHANG

Kuantan, 19 April - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar hadir bersempena Majlis Amanat YAB. Perdana Menteri Malaysia bersama - sama Penjawat Awam Negeri Pahang baru - baru ini di Dewan Majlis Bandaraya Kuantan, Pahang Darul Makmur.



Antara anggota pekerja PKNP yang turut serta dijemput menghadiri majlis amanat YAB. Perdana Menteri Malaysia.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian & Unit serta beberapa anggota pekerja PKNP.

Dalam ucapan beliau, sebahagian peruntukan sebanyak RM 1 bilion berbanding RM 750 juta sebelum ini dikhususkan kepada Negeri Pahang yang melibatkan peruntukan keseluruhan penyelenggaraan berkala turapan jalan Persekutuan.

Malah, RM 400 juta dari RM 5 bilion peruntukan tahunan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) kepada Negeri Pahang bagi memastikan jalan negeri berada dalam keadaan baik.

PKNP SERAH SUMBANGAN KEPADA MAHAD TAHFIZ AR RUSHD, SG KOYAN, LIPIS, PAHANG



Pada tahun lepas, PKNP juga telah menyumbang sebanyak RM 20,000 kepada Maahad Tahfiz Ar Rushd

Lipis, 14 April - PKNP telah turut serta dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Khas Aidilfitri 2023 yang disampaikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Dalam majlis tersebut, PKNP yang diwakili oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek telah menyampaikan cek sumbangan bernilai RM20,000.00 kepada Maahad Tahfiz Ar Rushd, Sg. Koyan, Lipis.

Sumbangan yang telah disampaikan kepada Pengerusi Maahad Tahfiz Ar Rushd, Ustaz Abu Bakar bin Ismail ini disaksikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang. Sumbangan ini adalah bagi membantu pengurusan maahad tahfiz tersebut serta melancarkan urusan pendidikan anak-anak tahfiz seramai 31 orang di institusi tersebut.

Turut hadir adalah Pengurus Bahagian Hal Ehwal Korporat PKNP, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim serta pegawai yang terlibat.



SELAMAT BERSARA DATO' SRI DR. SALLEHUDDIN BIN ISHAK

Selamat bersara dan jutaan terima kasih dititipkan kepada Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak di atas jasa dan khidmat yang diberikan sebagai Ahli Perbadanan PKNP bermula 2019 hingga 2023.

SELAMAT BERSARA

DAN
Terima kasih

Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak
SSAP., SIMP., DIMP., PJN., JSM., PJK.

YB. Setiausaha Kerajaan Pahang
merangkap Ahli Perbadanan PKNP

TAHNIAH DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG YANG BAHARU

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob di atas pelantikan sebagai YB. Setiausaha Kerajaan Pahang yang baharu bermula 2 Mei 2023.

Semoga dengan pelantikan ini, pentadbiran dan pembangunan Kerajaan Negeri Pahang akan terus mencapai kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan.

SETINGGI-TINGGI
Tahniah

KEPADA
YH. Dato' Indera Haji Zulkifli bin Haji Yaacob
SIMP., DSAP., DIMP., AAP., AMP.

DI ATAS PELANTIKAN SEBAGAI
YB. SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

BERKUAT KUASA MULAI
2 MEI 2023



PKNP SERAH SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI JPCK KG NENASI, DUN BEBAR, PEKAN,



Selain dari Kg Nenasi, Pekan, Program TERAS juga melibatkan Kg Damak di Jerantut, Pahang

Pekan, 1 Mei - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah turut serta dalam Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2023 anjuran JPCK Kg Nenasi, Pekan bagi menyerahkan sumbangan kepada golongan asnaf di kampung tersebut yang meliputi kawasan pantai dan darat.

PKNP yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek bagi mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah menyampaikan sumbangan kepada 60 orang penerima yang terdiri daripada golongan miskin, pesakit kronik dan ibu tunggal.

JPCK Kg Nenasi merupakan salah satu kampung yang menerima sumbangan dari PKNP mengambilkira kampung ini adalah kampung angkat PKNP dibawah Program Transformasi Desa (TERAS) GLC di bawah Kerajaan Pahang.

Program penyerahan sumbangan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa oleh PKNP bagi membantu golongan asnaf yang memerlukan demi meringankan beban yang ditanggung.

PKNP ANJUR PROGRAM KHATAM AL - QURAN



Ustaz Ahmad Hayatul Faiz bin Abdul Latif dijemput mengetuai Program Tadarus Al-Quran

Kuantan, 17 April - Seramai 70 orang peserta tadarus yang terdiri daripada anggota pekerja PKNP terlibat dalam Program Khatam Al - Quran yang diadakan di Bilik Seminar EDC, Kompleks Teruntum.

Program khatam Al - Quran ini dianjurkan oleh Kelab Keluarga Kumpulan PKNP dan Biro Puspanita PKNP serta turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato Mohd Faizal bin Jaafar.

Tujuan program tadarus Al - Quran ini bagi membolehkan warga kerja PKNP memperelokkan dan menyemak kembali bacaan yang dilakukan secara berkumpulans erta memberi kefahaman maksud ayat-ayat yang telah dibaca.

Semoga majlis ini memberi manfaat kepada warga kerja PKNP dan dapat diteruskan untuk tahun - tahun mendatang.



Program Khatam Al - Quran ini dihadiri hampir 70 orang anggota pekerja PKNP

PKNP
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

SELAMAT MENYAMBUH
HARI PEKERJA
1 MEI 2023 | PEKERJA PEMANGKIN WADAH MALAYSIA MADANI

Siblah daripada:
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan Seluruh Anggota Pekerja Kumpulan PKNP

Logos: BCIC, RT, PPK, Keaktifan, RTSB, and others.



PKNP AGIH GULAI KAWAH SEMPENA IHYA RAMADAN 2023 BERSAMAAN 1444H



MAJLIS BERBUKA PUASA PKNP 2023



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar